

Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful myHome Cover. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Produk ini menyediakan perlindungan terhadap bangunan dan/atau kandungan yang terkandung dalam bangunan yang digunakan semata-mata untuk tujuan kediaman sahaja dan melindungi kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, letupan, banjir, paip pecah atau sebarang peril yang dinyatakan dalam perlindungan sijil.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Produk ini menggunakan konsep Syariah berikut:

- a. **Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di bawah produk ini, manfaat yang dibayar dari Dana Takaful Am ("DTA") adalah berdasarkan Hibah.
- b. **Ju'alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad ("Kami", atau "Takaful Malaysia") untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.
- c. **Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah produk ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
- d. **Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila peserta menyumbang kepada DTA.
- e. **Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah produk ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Perlindungan/manfaat diringkaskan seperti dibawah: -

No.	Perlindungan / Manfaat	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Bahagian A				
1.	Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah	✓	✓	✓
2.	Letupan	✓	✓	✓
3.	Pesawat & peranti udara lain dan/atau artikel tercincir	✓	✓	✓
4.	Kesan daripada mana-mana kenderaan jalan raya atau haiwan	✓	✓	✓
5.	Tangki air, radas, paip pecah, limpahan air	✓	✓	✓
6.	Kecurian (pecah masuk secara paksa dan kekerasan sebenar)	✓	✓	✓
7.	Hurikan, siklon, taufan, angin ribut	✓	✓	✓
8.	Gempa bumi, letusan gunung berapi	✓	✓	✓
9.	Banjir	✓	✓	✓
10.	Rompakan dan tahanan	✓	✓	✓
Bahagian B				
1.	Kandungan isi rumah dikeluarkan sementara dari rumah	✓	✓	✓
2.	Pecah Cermin	✓	✓	✓
3.	Pampasan Kematian (disebabkan oleh pencuri dan/atau kebakaran)	✓	✓	✓
4.	Harta Pembantu Rumah	✓	✓	✓
5.	Perlindungan Sewa	✓	✓	✓
6.	Liabiliti kepada Orang Awam	✓	✓	✓

Bahagian C				
1.	Elaun Bantuan – Kebakaran danatau Banjir (RM500/ setahun)	✓	✓	✓
2.	Kerosakan makanan dalam peti sejuk (sehingga RM100/ setahun)	✓	✓	✓
3.	Kos penggantian kunci (sehingga RM500)	✓	✓	✓
4.	Kos penggantian dokumen undang-undang yang hilang (sehingga RM2,500)	✓	✓	✓
5.	Kos perkhidmatan pembersihan/dobi (sehingga RM1,000)	✓	✓	✓
6.	Kehilangan atau kerosakan pada penapis air (sehingga RM500)	✓	✓	✓

Anda boleh menambahkan perlindungan kepada risiko berikut untuk Sumbangan Tambahan ("ST"):

No.	Manfaat Tambahan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Bahagian A				
1.	Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh hurikan, siklon, taufan atau angin ribut kepada cerobong asap logam, bidai, kajang, papan tanda dan lekapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar	✗	✓	ST
2.	Pengubahan, pemberian dan penambahan (25%) daripada jumlah perlindungan	✗	✓	ST
3.	Rusuhan, Mogok dan Kerosakan Berniat Jahat	✗	✓	ST
4.	Kebakaran belukar/lalang	✗	✓	ST
5.	Kerosakan oleh Pokok Tumbang atau Ranting dan Objek	✗	✓	ST
6.	Peningkatan	✗	✓	ST
Bahagian B				
1.	Barangan dan Perabot Rumah Tuan Tanah di Blok Rumah Pangsa/Pangsapuri/Kondominium	✗	✗	ST
2.	Plat kaca	✗	✗	ST
3.	Tambahan perlindungan kecurian (tidak termasuk kecurian oleh pembantu rumah atau ahli keluarga atau isi rumah anda)	✗	✗	ST
4.	Tambahan perlindungan kecurian (termasuk kecurian pembantu rumah)	✗	✗	ST
5.	Perlindungan tanah mendap dna gelinciran tanah (standard)	✗	✗	ST
6.	Perlindungan tanah mendap dan gelinciran tanah (tidak termasuk proviso (A))	✗	✗	ST
7.	Tambahan Perlindungan Sewa	✗	✗	ST
8.	Peningkatan Had Liabiliti kepada Orang Awam	✗	✗	ST

No.	Manfaat Tambahan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
A)	Perlindungan ansuran pinjaman/pembentangan gadai janji	ST	ST	ST
B)	Perlindungan tuan tanah	ST	ST	ST

Kata Kunci:

✓ = Perlindungan Asas ✗ = Tidak berkenaan / tidak boleh dipilih ST = Tertakluk kepada ST

Nota:

- Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu perbaharui sijil setiap tahun.
- Sila rujuk kepada Sijil dan Helaian Penerangan produk untuk butiran lanjut manfaat, pengecualian, terma dan syarat produk.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ([TIPS](#)) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my/my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan yang anda perlu bayar dikira berdasarkan jumlah perlindungan anda, pelan yang dipilih dan perl tambahan, (jika ada).

Contoh pengiraan sumbangan:

- Pelan Perlindungan Asas 2 (Hartanah Pemilik Rumah - Kelas 1A):
RM 1,060.00 sumbangan untuk jumlah perlindungan RM 1,000,000.00

Semua sumbangan (jika berkenaan) akan dikenakan caj atau cukai yang berkaitan oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk menyimpan sebarang resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

Nota:

Risiko pembinaan kelas 2 & 3 perlu dirujuk kepada cawangan/ejen kami untuk sebut harga.

- Tertakluk kepada sumbangan minimum sebanyak Ringgit Malaysia enam puluh (RM60.00).
- Sila rujuk kontrak sijil untuk butiran lanjut mengenai pelan di atas.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Jumlah
Yuran Wakalah	50% daripada sumbangan di mana: (contoh: sumbangan kasar ialah $RM60.00 \times 50\% = RM30.00$) - Komisen – 15% - Perbelanjaan Lain – 35%
Duti Setem*	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada sumbangan yang dibayar

*Duti setem dikecualikan untuk sijil dengan jumlah sumbangan tahunan tidak melebihi Ringgit Malaysia seratus lima puluh (RM150) untuk peserta individu dan Ringgit Malaysia dua ratus lima puluh (RM250) untuk perusahaan mikro kecil sederhana (MSME) sehingga 31/12 /2025.

Selepas itu, duti setem Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) akan dibayar mulai 1/1/2026 tanpa mengira jumlah sumbangan tahunan.

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

a. Tanggungjawab Pendedahan Kontrak Takaful Pengguna

Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak membuat pernyataan yang salah semasa anda menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon Takaful ini).

Anda mesti menjawab soalan-soalan dengan sepenuhnya dan setepatnya. Kegagalan untuk mengambil langkah yang sewajarnya dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan semasa anda menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon Takaful ini), anda juga dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam borang cadangan (atau semasa anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Takaful Komersial

Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatkan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- b. **Perubahan Risiko** – anda mesti memaklumkan kami atau ejen anda secara bertulis terhadap sebarang perubahan penting yang berlaku sepanjang tempoh sijil supaya pindaan yang wajar akan disahkan ke dalam sijil anda.
- c. **Tanggungjawab Peserta** – anda perlu mengambil semua langkah berjaga-jaga bagi keselamatan hartanah yang dilindungi.
- d. Anda mesti memastikan bahawa harta anda dilindungi pada jumlah yang sesuai, di mana:
 - i. **Pada Bangunan** – jumlah perlindungan mestilah sekurang-kurangnya 85% daripada kos sebenar.
 - ii. **Pada Isi Kandungan** – jumlah perlindungan adalah berdasarkan kerugian pertama.
- e. **Ekses** (berdasarkan kes demi kes) – adalah jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sekiranya berlaku tuntutan.
- f. **Tuntutan** – Notis bertulis mengenai sebarang kejadian yang mungkin kemungkinan tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Takaful Malaysia secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan tidak lewat dari tiga puluh (30) hari kemalangan yang menyebabkan kecederaan atau kerugian tersebut.
- g. **Warranti Sumbangan Takaful** – Sumbangan tertunggak kepada Takaful Malaysia mesti dibayar dan diterima oleh Takaful Malaysia dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh pendaftaran. Sekiranya syarat tidak dipatuhi, kontrak ini akan dibatalkan secara automatik dan Takaful Malaysia berhak mendapat sumbangan pro-rata untuk tempoh perlindungan yang diberikan oleh Takaful Malaysia.

Nota:

Senarai di atas tidak lengkap. Sila rujuk sijil anda untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah sijil ini.

7. Apakah pengecualian utama bagi produk ini?

Produk ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- i. Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau sebarang tindakan keganasan.
- ii. Pemberhentian Kerja Rampasan atas perintah kerajaan atau Pihak Berkuasa Perbandaran Awam atau Tempatan.
- iii. Letupan secara spontan.
- iv. Senjata nuklear atau pengionan radiasi atau pencemaran.
- v. Apa jua bentuk kerugian atau kerosakan.
- vi. Kerosakan harta ke atas data atau perisian.
- vii. Seksyen "Liabiliti kepada Orang Awam" tidak melindungi sebarang kecederaan atau kerosakan berkaitan asbestos yang melibatkan kerosakan melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, penghapusan atau pengelakan asbestos atau potensi terdedah kepada asbestos.
- viii. Sebarang acara/aktiviti lain yang dilarang/bertentangan dengan Syariah.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai lengkap pengecualian di bawah produk ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik sumbangan selepas mengenakan caj berdasarkan pro-rata untuk tempoh perlindungan berkuat kuasa atau sumbangan minimum yang perlu dibayar, yang mana lebih tinggi. Takaful Malaysia boleh membatalkan pada bila-bila masa dengan memberikan notis tujuh (7) hari secara bertulis dan akan membayar balik sumbangan secara pro-rata bersamaan dengan tempoh yang belum tamat.

9. Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting bagi anda mengemaskini dalam portal *myTakaful Customer* atau memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua surat menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut tentang produk ini, sila hubungi kami di:

Unit Khidmat Pelanggan (CSU)

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)]

Tingkat 27, Blok Annex,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Peti Surat 11483,
50746 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300 88 252 385
Faks: 603 - 2274 0237
Emel: csu@takaful-malaysia.com.my
Laman Web: www.takaful-malaysia.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan sama yang disediakan.

Sila rujuk kepada cawangan atau ejen kami untuk mendapatkan maklumat mengenai perlindungan berkaitan yang disediakan.

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan di dalam Helaian Penerangan Produk ini adalah sah pada April 2025.